

Tingkat kecekapan, tambah produktiviti

B.H 17 AUG 1993

KUALA LUMPUR, Isnin — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, produktiviti boleh ditingkatkan tanpa kenaikan kos sekiranya pekerja bertugas lebih gigih dan meningkatkan kecekapan.

Perdana Menteri berkata, ini dapat dilakukan dengan bekerja lebih kuat serta rajin, menggunakan masa bekerja sepenuhnya, tidak melengahkan kerja dan menjalankan tugas dengan sempurna.

"Jika pekerja bertugas dengan penuh minat dan cekap, barangan boleh dikeluarkan dengan lebih banyak tanpa meningkatkan kadar upah dan kos.

"Bagi hotel, lebih baik mempunyai seorang pengurus bagi 200 bilik daripada seorang pengurus bagi 100 bilik," katanya dalam wawancara dengan wakil media dalam rancangan 'Bersama Perdana Menteri' yang disiarkan RTM, malam ini.

Ditanya mengenai keghairahan pekerja mahukan kenaikan gaji sedangkan kenaikan

gaji akhirnya mungkin menyebabkan kenaikan harga barangan, Dr Mahathir berkata, kenaikan gaji dengan sendirinya tidak menguntungkan.

"Kenaikan gaji yang menguntungkan ialah kenaikan yang membolehkan pekerja membeli lebih banyak barang yang harga asalnya kekal.

"Kenaikan gaji boleh meningkatkan harga barang sekiranya produktiviti tidak meningkat.

"Kalau gaji kita naik 100 pe-

WAWANCARA PENUH DI MUKA 10

ratus tetapi barangan kita keluaran juga meningkat 100 peratus, jelas sekali bahawa barangan ataupun kos membuat barang itu telah meningkat," katanya.

Perdana Menteri berkata, kuasa membeli rakyat boleh ditingkatkan melalui kenaikan upah tanpa kenaikan kos, dengan meningkatkan produktiviti.

"Ini yang harus ditumpukan kerana jika rakyat memahami hakikat itu, mereka akan berhati-hati supaya memperoleh kuasa membeli yang meningkat seiring dengan kenaikan upah," katanya.

Menurutnya, di sesetengah negara yang mengalami kadar inflasi 1,000 peratus setahun, kenaikan gaji 10 kali ganda tidak lagi bermakna.

Ditanya mengenai sumbangan rakyat dalam membendung inflasi, Dr Mahathir berkata, rakyat perlu memahami apa yang dimaksudkan dengan inflasi, sebabnya dan cara membendungnya.

Katanya, negara yang pertumbuhan ekonominya pesat diancam kenaikan harga barangan dan kos sara hidup yang tinggi.

"Pertumbuhan ekonomi tidak mendatangkan manfaat sepenuhnya jika kita tidak betul-betul mengawal inflasi dan kenaikan harga. Sebab itu kita perlu memberi tumpuan ba-

LIHAT MUKA 2

Motif kesatuan asing ambil berat mengenai Malaysia

DARI MUKA 1 B.H 17 AUG 1993

gaimana membendung inflasi," katanya.

Ditanya mengenai motif kesatuan sekerja antara-bangsa mengambil berat terhadap kesatuan sekerja negara ini, katanya kesatuan itu mahukan peluang kerja yang hilang di negara Barat kembali semula ke negara mereka.

Katanya, apabila pelabur Amerika dan Eropah datang ke negara ini, peluang kerja yang wujud dulu di negara itu telah hilang menyebabkan ramai yang menganggur.

Dr Mahathir berkata, kesatuan itu yang mahukan lebih banyak peluang kerja untuk menuntut upah yang lebih tinggi seboleh-bolehnya mahukan tidak ada pelaburan di negara ini.

Mereka menghasut supaya pekerja kita membuat sesuatu yang boleh

meningkatkan kos termasuk melancarkan mogok sepanjang masa, katanya.

"Mogok memabatkan kos kerana kerja tidak berjalan, barang tidak dapat dikeluarkan, orang tidak dapat membeli barang kita dan kita tidak dapat menjual. Dengan itu, peluang kerja akan kembali ke negara mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata, kesatuan antarabangsa itu tidak berminat terhadap negara tidak membangun kerana negara itu memasuki bidang industri yang diminati oleh pekerja mereka.

Antaranya termasuk industri yang menggunakan kecekapan yang rendah, tenaga pekerja yang banyak dan nilai pelaburan kecil.

Ditanya apakah ini satu

sabotaj kepada kemantapan ekonomi negara, Dr Mahathir berkata, Malaysia menjadi ancaman kepada mereka kerana peluang kerja.

"Kalau Malaysia kaya sebagai pengeluar minyak, ia bukan masalah kepada mereka kerana mereka mendapat manfaatnya.

"Tetapi dalam bidang yang mereka boleh buat dan kita juga boleh buat, dalam bidang inilah yang mereka memberi tumpuan," katanya.

Ditanya sama ada pekerja negara ini mampu memperoleh kemahiran industri teknologi tinggi dan menyaingi pengeluar lain, Perdana Menteri berkata, mereka mampu menguasai kecekapan itu jika diberikan masa yang cukup.